

DATE : 20 November 2013
PUBLICATION : Berita Harian
SECTION : Bisnes
HEADLINE : Maybank lancar Global Bon Fund

Maybank lancar Global Bon Fund

» *Dana unit amanah beri peluang raih pulangan tinggi*

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

MAYBANK Asset Management Sdn Bhd melancarkan dana unit amanah global pertamanya, Maybank Global Bon Fund bagi memberi peluang kepada pelabur di negara ini untuk meraih pulangan yang tinggi dari pelaburan di pasaran bon kerajaan global.

Dana disasarkan untuk memaksimumkan pulangan pelaburan dengan melabur dalam Templeton Global Bond Fund, menyediakan pelabur peluang meraih pulangan menerusi pendapatan faedah, peningkatan modal dan mata wang.

Pengarah Eksekutif Maybank Asset Management dan Ketua Pelaburan Serantau ba-

gi Perniagaan Pengurusan Aset Maybank, Badrul Hisyam Abu Bakar, berkata menerusi dana itu, pelabur runcit mempunyai akses kepada pasaran bon kerajaan negara global dalam mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka.

Lagipun, beliau berkata, pelaburan dalam bon berdaulat global lebih selamat jika dibandingkan dengan pasaran hutang korporat, sekali gus ia menyediakan pendaftaran yang konsisten dan pertahanan daripada ketidakstabilan pasaran.

Katanya, Maybank Asset Management percaya penjualan besar-besaran dalam pasaran bon global baru-baru ini menandakan kelas aset itu sudah mula memberi nilai kepada pelabur.

"Dana ini menyediakan pelabur peluang memperuntukkan pelaburan ke dalam kelas aset ini (bon), yang mana mampu meningkatkan profil pulangan risiko portfolio sedia ada pelabur menerusi pendapatan kukuh bon serta meraih manfaat yang pelbagai daripada kepelbagaiannya mata wang dan negara," katanya.

